

ARTIKEL  
E-ISSN: 2615-5028

---

## MUZIUM MASJID SULTAN ABDULLAH PEKAN PAHANG DAN USAHA MEMPERKASAKAN PEMIKIRAN ISLAM DI MALAYSIA

Ahmad Farid Abd Jalal

Abdullah Yusuf

Ahmad Faisal Abd Hamid

Rahimin Affandi Abd Rahim

(Perbadanan Muzium Negeri Pahang; [awhaukm@gmail.com](mailto:awhaukm@gmail.com))

### **Abstract**

*Modern Islamic education will become more effective when used through museum mechanisms. Modern researchers have acknowledged this until they emphasize the importance of applying museum-based educational pedagogy. This effectiveness stems from the advantages of museum-based education that allows visitors to understand facts through object proving / artifacts rather than theoretically absorbed as learned at school. So, based on this background, this study will see the contribution of mmsapp which is considered as a semi-educational institution in empowering Islamic thought. Its character is rather unique as MMSAPP is the only institution of Islamic museum that carries the concept of the mosque- museum.*

**Keywords:** Mosque function; Islamic thought; Islamic culture

### **Abstrak**

Tulisan ini membahas tentang masjid yang berfungsi juga sebagai museum. Hal ini disandarkan pada pemikiran bahwa pendidikan Islam moden akan menjadi lebih berkesan apabila digunakan melalui mekanisme muzium. Pengkaji moden telah mengakui hal ini sehingga mereka menekankan pentingnya diterapkan pedagogi pendidikan berasaskan muzium. Keberkesanan ini berpunca daripada kelebihan pendidikan berasaskan muzium yang memungkinkan pengunjung memahami sesuatu fakta melalui pembuktian objek/artifak dan bukannya secara teori abstrak sepertimana dipelajari di sekolah. Jadi, berasaskan pada latarbelakang ini, kajian ini akan melihat sumbangan MMSAPP (Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan Pahang) yang dianggap sebagai semi institusi pendidikan dalam memperkasakan pemikiran Islam. Sifatnya agak unik memandangkan MMSAPP adalah satu-satunya institusi muzium Islam yang membawa konsep muzium–masjid.

**Kata Kunci:** Fungsi Masjid; Pemikiran Islam; Budaya Islam

## A. PENDAHULUAN

Pendidikan Islam moden akan menjadi lebih berkesan apabila digunakan melalui mekanisme muzium. Pengkaji moden telah mengakui hal ini sehingga mereka menekankan pentingnya diterapkan pedagogi pendidikan berasaskan muzium. Keberkesanan ini berpunca daripada kelebihan pendidikan berasaskan muzium yang memungkinkan pengunjung memahami sesuatu fakta melalui pembuktian objek/artifak dan bukannya secara teori abstrak sepertimana dipelajari di sekolah.<sup>1</sup>

Jadi, berasaskan pada latarbelakang ini, kajian ini akan melihat sumbangan MMSAPP yang dianggap sebagai semi institusi pendidikan dalam memperkasakan pemikiran Islam. Sifatnya agak unik memandangkan MMSAPP adalah satu-satunya institusi muzium Islam yang membawa konsep muzium–masjid.

## B. TINJAUAN TEORI

Islam adalah agama yang mementingkan ilmu. Bagi Islam, ilmu adalah asas kesempurnaan seseorang, bila mana taklif syarak difardukan pada seseorang apabila akalanya sempurna. Akal yang menjadi domain ilmu perlu dipupuk dan diperkasakan dengan program menambahkan sebanyak mungkin ilmu. Untuk itu, Islam sangat mementingkan institusi pendidikan yang bakal menerapkan budaya ilmu dalam hidup seorang muslim.

Budaya ilmu ini dapat dipecahkan kepada dua bentuk; *pertama*, tindakan. Apa yang tergolong dalam bentuk ini adalah a) usaha gigih mendapatkan ilmu - sentiasa terlibat dalam aktiviti ilmu samada menjadi pengajar, pelajar dan penyebar ilmu; b) menghargai semua bentuk sumber ilmu - wahyu dan akal. *Kedua*, faedah dan sifat yang

---

<sup>1</sup> Badrul Isa (2017), *Museum Pedagogy And Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*, Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.

terhasil daripada usaha mendapatkan ilmu, membabitkan a) mengetahui hakikat diri dan makrifatullah; b) mampu membuat keputusan atas kriteria ilmu dan bukannya nafsu; c) kemampuan membuat penganalisaan matang dan holistik dalam sesuatu perkara; d) sifat hormat - kritis pada pandangan sarjana sebelumnya.

Terakhir sekali, sifat yang terhasil daripada budaya ilmu adalah menentang keras segala bentuk kejahilan. Ia menjadi sebab terbesar seseorang terjebak dengan bebalism yang dapat dicirikan dengan beberapa sifat; sifat rohani yang lemah dan degil enggan walaupun diberikan maklumat yang betul; sifat keras hati dan malas belajar daripada orang yang lebih tahu; tidak dapat membezakan antara yang benar dan salah dan tidak mengetahui duduk perkara sesuatu benda tetapi taasub dengan menerima bulat-bulat pandangan orang lain tanpa usul periksa.<sup>2</sup>

### C. HASIL DAN PEMBAHASAN

Muzium Negeri Pahang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1975 melalui Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang Bil. 1/1975. Pada 21 Oktober 1976, Istana Kota Beram terletak di Bandar Diraja Pekan secara rasminya telah dijadikan Muzium Negeri Pahang dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar. Pada tahun 2007, Muzium Negeri Pahang yang mengandungi lima galeri utama telah mengalami bukan sahaja proses transformasi inovatif tetapi juga telah mengharungi arus pembangunan yang pesat yang sewajarnya diberi penumpuan yang khusus. Transformasi tersebut juga melibatkan penghijrahan konsep Muzium Negeri Pahang daripada konsep tradisional kepada konsep muzium dalam taman; “*The Intellectual Garden*” sinonim dengan perkataan German, *Freiraum* yang bermaksud ruang yang luas

---

<sup>2</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2010), Containing Muslim Extremism And Radicalism, *Sari - International Journal Of The Malay World And Civilisation* 28(1), h. 241-252

untuk fikiran yang terbuka, idea, imaginasi dan kreativiti yang membawa kepada keyakinan, wawasan serta penyebaran dan perkongsian ilmu. Ini bermakna konsep baru yang diterapkan oleh muzium menekankan dengan jelas tiga era trajektori Pahang; sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Apa yang lebih penting lagi, rangka kerja ini memberi panduan kepada pembinaan muzium yang komprehensif dengan memberikan penekanan kepada identiti, agama dan isu global yang menjadikannya unik dan kontemporari.

Pada 21 Oktober 2016, Muzium Masjid Sultan Abdullah; salah satu komponen utama dalam Perbadanan Muzium Negeri Pahang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Musta'in Billah. Selain mengekalkan struktur dan fungsi masjid yang sedia ada, Muzium Masjid Sultan Abdullah turut mempamerkan koleksi-koleksi sumbangan Islam dalam membina tamadun bangsa termasuklah manuskrip-manuskrip berharga seperti kepelbagaian jenis al-Quran, kitab-kitab pengajian agama Islam dan Hukum Kanun Pahang. Muzium Negeri Pahang juga menyimpan 178 buah manuskrip dalam genre yang pelbagai seperti Hikayat Pahang, Himpunan Cerita Sejarah, surat-surat raja, pembesar-pembesar Melayu, teks titah ucapan diraja, catatan Sir Frank Swettenham, Diari Hugh Clifford dan surat pemberitahuan pihak kerajaan British yang ditulis menggunakan tulisan jawi. Muzium Masjid ini juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan maklumat dan menjadi akses penting kepada masyarakat khususnya bagi non-Muslim untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih dekat dan menyeluruh.

Bagi memenuhi fungsi barunya, Muzium-Masjid, ia telah dibahagikan kepada dua ruang iaitu, ruang pameran dan ruang solat.<sup>3</sup> Tidak terdapat perubahan besar yang

---

<sup>3</sup> Untuk Maklumat Tentang Masjid Sebagai Pusat Ibadat Dan Aktiviti Pengajian Dan Budaya, Sila Lihat Nabila Iqbal (2015), *Mosque In The Valley: A Space For Spiritual Gathering & Cultural Learning*, Tesis Sarjana Untuk University Of Massachusetts Amhers, H. 23-32.

dilakukan kecuali menukarkan kemasan lantai kepada marmar putih bagi menggantikan lantai sedia ada yang rosak teruk. Bagi memenuhi fungsinya sebagai muzium, masjid ini telah dipasang dengan siling kapur pada keseluruhan bahagian dalamnya dan panel gelas bagi menutupi semua ruang terbuka untuk tujuan penghawa dingin. Ini penting untuk keselamatan dan mengelakkan kerosakan kepada artifak yang dipamerkan terutamanya artifak-artifak yang mudah terkesan kepada perubahan suhu seperti tekstil dan manuskrip.

Keluasan seluruh kawasan masjid juga telah bertambah daripada 0.469 ekar kepada 2.632 ekar termasuk menutup jalan untuk menuju ke Pekan Lama. Pertambahan keluasan kawasan ini amat penting bagi menyediakan taman awam yang lebih selesa kepada para pelawat. Seni taman ini juga mengambil beberapa ciri utama dalam seni taman Islam seperti unsur air dan pokok-pokok.

Pada fasa berikutnya, Muzium Negeri Pahang bercadang untuk membina beberapa buah arca sebagai tarikan tambahan kepada pelawat dan annex sebagai tambahan kepada ruang pameran serta untuk aktiviti seperti kelas pengajian Al-Quran dan mempelajari seni Khat. Muzium-Masjid ini mempunyai keunikan yang tersendiri dengan konsep taman terbuka (*The Intellectual Garden*) kesinambungan daripada Muzium Sultan Abu Bakar, selain menggabungkan fungsi masjid dan muzium dalam satu masa yang sama. Keindahan Muzium Masjid Sultan Abdullah ini terserlah dengan gabungan warna putih, seni bina Moorish dan binaan kolam yang memanjang di hadapannya. Ia seolah-olah miniature Taj-Mahal yang terkenal di Delhi, India. Muzium Masjid Sultan Abdullah adalah lambang tertegaknya syiar dan kegemilangan Islam di Pahang selain daripada menjadi mercu tanda dan tarikan kepada industri pelancongan.

### **Galeri/ Tema Pameran**

Ia mempunyai tiga tema/galeri utama. Pertama; tentang Islam di Pahang, kedua; Peranan Istana atau raja-raja Melayu dalam penyebaran Islam serta koleksi-koleksi Islam Diraja Pahang, dan ketiga; sumbangan Islam kepada tamadun manusia.

### **Pemilihan Objek Dan Artifak Yang Rapi.**

Secara kasar, kriteria pemilihan ini dibuat berasaskan:

- a. ia dibuat berteraskan prinsip Islam - demi menjadikannya patuh syariah.
- b. ia mempunyai nilai sejarah dan mewakili era yang dipilih.
- c. ia terhasil akibat kemahiran yang tinggi.
- d. Keunikan objek.
- e. keindahan - dalam aspek bentuk, fungsi, hiasan dan simbol.

### **Gabungan Pameran Seni Dengan Kaidah Teknologi Moden.**

Galeri ini dibuat bertepatan dengan dapatan kajian yang memperincikan kehendak dan kecenderungan masyarakat terhadap galeri muzium.<sup>4</sup> Kajian ini mendapati;

1. Budaya melawat muzium di Malaysia amat lemah berbanding dengan negara eropah. Keluarga di Malaysia dalam program percutian lebih suka membawa ahli keluarga ke shopping mall dan kawasan peranganan.
2. Walaupun Malaysia memiliki lebih daripada 150 muzium di bawah pihak kerajaan, tetapi ia gagal menarik pelancong kerana kaedah galerinya yang tidak menarik dan bersifat tradisional (*New Strait Times Press*, March 2012).

---

<sup>4</sup> Shamsidar Ahmad (2018), Creating Museum Exhibition: What The Public Want?, *Asian Journal Of Behavioural Studies (Ajbes)*, 3(11) May / Jun 2018, h. 27-36.

3. Keperluan kaedah pameran diterapkan dengan teknologi digital yang lebih menarik.

*The developments in technology offered a variety home entertainment additionally to the emergence of digital toys and technology media may lead the public not interested in what is in the museums offered. These challenges demand the museums to be more creative and innovative in creating contents that can encourage the society to visit the museum institutions. An exhibition with the latest techniques such as interactive or 3D is proven effective that can captivate the public, including people from outside the country visiting the museum. Museums in United Kingdom, are now in the mode of delivery, such as "hands-on", "minds-on", "multimedia", "squeezer" and others.*

Atas sebab itu, Muzium Masjid Sultan Abdullah berpendapat pameran objek perlu dibantu dengan bantuan teknologi untuk menjadikannya lagi menarik. penggunaan teknologi moden berkonsepkan interaktif telah dilaksanakan. Muzium Masjid Sultan Abdullah dilengkapi dengan Multi Table Touch Screen bagi membolehkan pengunjung mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan objek yang dipamerkan. Antara maklumat yang diperolehi menggunakan peralatan ini adalah sumbangan Islam dalam Tamadun Dunia, Sirah Rasulullah SAW dan persoalan-persoalan asas agama Islam. Ia bersesuaian dengan pandangan sarjana muzium moden yang menegaskan setiap objek yang dipamerkan perlu disertakan dengan penerangan tentang siapa, untuk apa, daripada mana dan terpenting sekali falsafah ia dihasilkan.<sup>5</sup>

Pengunjung juga boleh mendapatkan maklumat tambahan melalui iPad yang disediakan selain informasi tertera di sekitar ruang pameran. Ia disediakan bagi merangsang daya fikir pengunjung andai digunakan teknologi baru untuk tujuan penerangan ini.<sup>6</sup> Hal ini dibuat kerana selalunya seseorang pengunjung akan gagal

---

<sup>5</sup> Louise Ryan (2015), *Transcending Boundaries: The Arts Of Islam: Treasures From The Nassar D. Kbalili Collection*, Tesis Phd Untuk Institute For Culture And Society University Of Western Sydney, H. 51-52

<sup>6</sup> Ibid.

memahami maksud seni Islam.<sup>7</sup> Sedangkan matlamat sebenar ia dihasilkan adalah untuk tujuan meraih keredaan Allah.

### **Dokongan Galeri Dengan Projek Penyelidikan Ilmiah Oleh Pakar Sejarah.**

Muzium Negeri Pahang berusaha menerapkan falsafah New Museum dalam setiap setup fizikal dan koleksi yang dimiliki. Falsafah ini antara lain menekankan aspek pendidikan kepada masyarakat, menjadi pusat ilmu dan perlu terlibat secara aktif dalam mewujudkan pencerahan serta pemikiran kritis yang kondusif dengan realiti zaman global.<sup>8</sup> Atas dasar itu, Muzium Negeri Pahang menetapkan bahawa dalam setiap galeri dan koleksi artifaknya perlu ditunjangi dengan penyelidikan ilmiah.

Polisi ini telah dilakukan dengan menaja tiga penyelidikan yang dilakukan oleh serangkaian penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam. Ketiga projek ini adalah;

1. Merekonstruksi sejarah Islam pahang.
2. Ilmu Kolonial Dan Impaknya Pada Masyarakat Melayu.
3. Tulisan Jawi : Karya Intelektual Melayu.

Hasil kajian penyelidikan ini telah diterbitkan ataupun dibentangkan dalam beberapa penerbitan dan seminar yang khusus. Lebih penting lagi, hasil dapatan kajian ini dipergunakan untuk melengkapkan koleksi maklumat dan literature untuk ketiga-tiga tema pameran.

Selain itu, pihak muzium Negeri Pahang telah mengadakan beberapa siri Kolokium Islam Pahang yang dibuat dalam bentuk wacana ilmiah dan pembentangan kertas kerja oleh sejumlah penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam. Hasil kajian ini

---

<sup>7</sup> Ibid, h.53.

<sup>8</sup> Tania Cleary (2006), *The New Museum Function, Form And Politic*, Tesis Ph.D Griffith University, h. 132-163; Shadia Mohamed Salem Mahmoud (2004), *The Value Of A Collections Management Policy For Museums*, Tesis Sarjana Untuk The Graduate Faculty Of Texas Tech University, h. 22-37.



telah dikumpulkan untuk dijadikan bahan sokongan untuk setiap galeri Islam. Contohnya, pada 27 hb April 2017 Kolokium Islam Pahang telah diadakan. Ia menggunakan tema *Tarikh 1874 Dan Pengaruh Ilmu Kolonial Di Tanah Melayu*. Hasil dapatan kajian ini kemudiannya menghasilkan bahan utama untuk pameran kolonial ini.

### **Analisa Galeri Sumbangan Islam Pada Tamadun Dunia**

Selepas Nabi Muhammad S.A.W wafat, penganut Islam telah mara dari Semenanjung Arab ke Utara, Timur dan Barat. Dalam jangkamasa yang pendek mereka telah berjaya mengembangkan Islam dari Sepanyol di Barat hingga ke negeri China di Timur. Sebuah empayar yang terbesar dalam sejarah dunia telah didirikan oleh orang Islam melalui tindakan dakwah, ketenteraan dan pemerintahan yang cekap. Di wilayah-wilayah Islam terdapat cerdik-pandai yang cekap dalam bidang pentadbiran, pembangunan, pertanian, industri, kejuruteraan, pertahanan, ilmu sains dan hisab tinggi, ilmu falak dan pelayaran, perubatan dan bermacam-macam lagi ilmu selain daripada agama Islam, hukum-hukum dan tafsirannya. Institusi-institusi pengajian tinggi bertaburan dari Sepanyol hingga ke Asia Tengah, lengkap dengan kutub-khanah dan makmal. Ilmu-ilmu lama dari tamadun yang telah luput seperti Greek dan Rome dikaji, ditokok-tambah dan dibukukan secara teratur. Orang daripada suku-kaum Turki di Asia Barat dan Asia Tengah telah menerima agama Islam dan sekali lagi mereka telah menjadi bangsa yang maju dan dapat memperluaskan wilayah Islam ke Eropah Timur. Wilayah yang ditadbir oleh mereka dibangunkan dengan pesat, lengkap dengan jalan-jalan, saluran air, bangunan, tembok dan menara, pusat membeli-belah, rumah tumpangan dan berbagai-bagai lagi kemudahan yang menandakan sebuah tamadun yang tinggi.

Islam telah berjaya melahirkan ramai pakar sains dan tokoh ilmuwan agung satu ketika dahulu. Tokoh-tokoh seperti Abu Al-Qasim Az-Zahrawi - Bapa Bedah Moden (936-1013M), Abu Ali Hasan Ibn Al-Haitham - Bapa Optik Moden (965-1040M), Ibn Sina - Tokoh Perubatan Islam (radang selaput otak) (980-1037M), Jabir Ibn Haiyan - Bapa Kimia Moden (meninggal 803M), Mohammad Bin Musa Al-Khawarizmi - Pengasas Ilmu Algebra (meninggal 840M), Yaaqub Ibn Ishaq Al-Kindi - Penetapan dos dalam penggunaan ubat (800-873M), Abu Abdullah Al-Battani - Ahli Matematik dan Astronomi (868-929M), dan Mohammad Ibn Zakariya Ar-Razi - Ahli Kimia dan Perubatan (864-930M). Inilah di antara tokoh yang menjadi pemangkin pemodenan dan kemajuan yang dikecapi pada hari ini. Tokoh-tokoh yang disebutkan di atas adalah pengkaji dan penganalisa Al-Quran yang hebat. Pemikiran, kajian dan penemuan mereka mendahului zaman. Mereka menjadikan Al-Quran sebagai rujukan penting dalam membangunkan teknologi manusia. Tanpa Islam dan Al-Quran sebagai asas rujukan, kemajuan dan zaman di mana ilmu pesat berkembang seperti Zaman Pembaharuan *Renaissance* dan Zaman Kesedaran *Enlightenment* pastinya tidak akan berlaku di Barat.

Kurator MMSAPP memilih tema *Sumbangan Islam Pada Tamadun Dunia* kerana beberapa sebab;

*Pertama*, ia sebagai cara menjawab pandangan negatif dan simplistik tentang Islam yang ditonjolkan dalam muzium kolonial. Dalam galeri muzium kolonial, ditonjolkan;

1. orang Melayu kurang menerima Islam yang ortodok (sejati) tetapi penuh dengan elemen sinkretism. Islam hanya kulit luar sedangkan isi dalaman adalah kepercayaan pra Islam.

2. orang Melayu sebagai bangsa primitive kerana faktor oriental despotic ( dasar zalim yang dibuat oleh raja-raja Melayu). Kezaliman ini mendapat pengesahan daripada Islam seolah-olah di mana sahaja Islam berkembang pasti ada sifat pemerintah raja yang menindas rakyatnya.
3. artifak tentang orang Melayu disesuaikan dengan teori evolusi yang menunjukkan orang Melayu bangsa primitif yang perlukan bantuan british untuk mentamadunkan mereka. Atas sebab itu, artifak yang digunakan menunjukkan sifat buruk fizikal orang Melayu seperti tidak berbaju, kotor, hitam, wajah ganas dan bebas membawa senjata.
4. menonjolkan ethnografi orang asli yang dianggap simple, jujur dan exotic. Mereka dianggap penduduk asal sebenar tanah Melayu, etnik tertindas di bawah penguasaan orang Melayu selepas kedatangan Islam.

*Kedua*, keperluan menonjolkan bahawa asas tamadun sains barat moden sebenarnya berasal daripada tamadun sains Islam. Pihak barat telah mengambil asas tamadun sains ini - yang ditokok tambah dengan falsafah sekular. Mereka juga melupakan jasa tamadun sains Islam.

*Ketiga*, keperluan menonjolkan Islam sebagai agama Rahmah yang membawa banyak kebaikan pada manusia sejagat. Ia perlu bagi menolak citra negatif tentang Islam. Hal ini berlaku akibat munculnya ideologi ekstremism agama yang dibawa oleh *Jemaah Islam* dan *Daesh*. Citra negatif ini menyebabkan sifat kesempurnaan Islam tertutup pada masyarakat bukan Islam. Sebaliknya Ia menakutkan masyarakat bukan Islam tentang Islam.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup>

### **Analisa Galeri Islam Di Pahang**

Berdasarkan kepada beberapa penemuan arkeologi, catatan sejarah dan hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Pattani dan Aceh serta beberapa bahan artifak lain seperti Hukum Kanun Pahang, Timba Tembaga dan seramik, Pahang secara umumnya telah mula menerima ajaran Islam lebih 1,000 tahun yang lalu. Tempoh masa ini tidak bermakna ajaran Islam telah diamalkan sepenuhnya dalam cara hidup masyarakat di Pahang. Ini kerana seperti yang kita sedia maklum, pengaruh hindu-budha dan kepercayaan animisme telah berakar umbi di Alam Melayu lebih lama daripada itu. Sehingga kini, pengaruh agama tersebut masih terus hidup di dalam adat dan budaya orang Melayu Islam walaupun pada dasarnya bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Islam.

Negeri Pahang melalui jumpaan Batu Nesan Permatang Pasir (1028), Timba Tembaga (1307), makam Sultan Muhammad Shah (1475), manuskrip Hukum Kanun Pahang (yang ditulis semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Mohaiyiddin Shah, 1592-1614) boleh mendakwa bahawa Islam masuk ke negeri ini jauh lebih awal berbanding Melaka dan Terengganu sama ada terus dari tanah Arab atau melalui tanah besar China.

Menurut sumber-sumber sejarah China, Pahang pada satu ketika dahulu berada di bawah pemerintahan kerajaan Srivijaya yang turut meliputi beberapa negeri lain seperti Kelantan, Terengganu, Langkasuka dan Kuala Berang tempat penemuan Batu Bersurat Terengganu. Malah, kemudiannya ketika di bawah pemerintahan Majapahit, keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu meliputi sebahagian besar Terengganu hingga ke Kota Tinggi, Johor di selatan hanya dikenali dengan nama Pahang sahaja. Maka, tidak hairanlah sekiranya penemuan Batu Nesan Permatang Pasir boleh

dijadikan sebagai bukti kedatangan Islam manakala Timba Tembaga dan Batu Bersurat Terengganu pula sebagai bukti kewujudan penempatan Islam yang lebih kompleks dan mempunyai sistem perundangan Islamnya yang tersendiri. Selain daripada itu, kedudukan negeri Pahang yang menghadap Laut China Selatan di tambah pula dengan kedudukan Pulau Tioman yang menjadi pusat persinggahan perdagangan yang datang dari India, China dan Arab telah mengukuhkan dakwaan bahawa negeri Pahang adalah antara negeri yang terawal menerima Islam di Tanah Melayu.

Penempatan masyarakat Arab di negeri Pahang juga menunjukkan bahawa ajaran Islam telah lama bersebati di negeri ini. Menurut W. Linehan, orang Arab ini telah menetap di Pahang khususnya di Pekan sebelum abad ke 15, iaitu sebelum terbentuknya Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini kerana menurut beliau terdapat banyak makam Syed yang terdapat di Pekan. Malah sehingga hari ini masih terdapat perkampungan masyarakat Arab di Pekan yang didiami oleh waris-warisan masyarakat Arab ini secara turun temurun. Menurut catatan dalam Sejarah Melayu, terdapat seorang bangsa Arab bergelar Nakhoda Saidi Ahmad dari Kampa yang tinggal di Kuala Pahang membantu Hang Nadim bagi melarikan Tun Teja untuk diserahkan kepada sultan Melaka, Sultan Mahmud Shah pada tahun 1494. Menurut Munsyi Abdullah dalam catatannya pula mengatakan bahawa terdapat beberapa keluarga Arab yang telah menetap di Kampung Maulana, Pekan, Pahang kira-kira dalam tahun 1838. Kesemua ini jelas menunjukkan bahawa komuniti Islam telah lama wujud di Pahang dan tidak mustahil ia merupakan antara faktor penggerak kepada penyebaran agama Islam di Pahang.

Campur tangan British di Pahang pada tahun 1888 dengan perlantikan seorang Residen sebagai penasihat sultan dalam semua urusan pemerintahan kecuali

yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu, secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya penerapan idea sekularisme di dalam sistem pemerintahan. Pelaksanaan undang-undang Islam hanya dibenarkan dalam soal perkahwinan, penceraian, pewarisan dan ibadat-ibadat khusus sahaja sedangkan undang-undang umum seperti undang-undang awam termasuk kontrak, tort dan jenayah adalah menggunakan Undang-undang British.

Terdapat banyak siri penentangan yang dicatat dalam sejarah terhadap kemasukan undang-undang ini daripada pelbagai lapisan masyarakat iaitu pemerintah, para ulama dan masyarakat awam. Segala penentangan yang dilakukan terhadap penjajah Inggeris adalah bermula daripada tindakan mereka mengubah perundangan sedia ada yang lebih berasaskan Syariat Islam kepada Perundangan British yang terbukti menindas umat Islam.

Di negeri Pahang lahirlah tokoh seperti Mat Kilau yang didokong oleh istana Pahang di zaman pemerintahan Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah yang bermati-matian menentang penjajah hinggalah British menggelarkan beliau sebagai pemberontak. Mat Kilau turut mendapat sokongan dan bantuan daripada Saiyid Abdul Rahman di Kuala Terengganu yang telah menasihatkan beliau supaya jangan mengaku kalah dan meneruskan perjuangan yang disifatkan sebagai Perang Fisabilillah menentang British. Perjuangan Mat Kilau mempertahankan Islam jarang diketengahkan oleh para pengkaji sejarah tanahair. Mat Kilau terbukti seorang yang tinggi ilmu agamanya dengan sikap kepahlawan dan pekerti yang mulia.

Kemuncak kepada penafian undang-undang Islam ini di Tanah Melayu, British telah mengusahakan penggubalan perlembagaan negara untuk Malaya merdeka melalui suruhanjaya Reid yang dibentuk. Ia merupakan suatu asas yang cuba dibina oleh

penjajah kepada undang-undang yang tidak berasaskan Islam untuk dilaksanakan ke atas Malaya yang dikenali sebagai Malaysia hari ini setelah diberikan kemerdekaan. Perlembagaan yang digubal ini terang-terangan menolak undang-undang Islam yang pernah dilaksanakan di negeri-negeri Tanah Melayu sebelum era penjajahan.

Penjajahan barat yang telah berlangsung selama ratusan tahun di Tanah Melayu ini dilihat telah berjaya membentuk suatu paradigm pemikiran kebanyakan umat Islam kepada cenderung terhadap nilai-nilai yang dibawa oleh barat berbanding nilai-nilai yang dibawa oleh Islam. Perkara ini boleh dilihat menerusi cara berfikir ramai masyarakat Islam Malaysia selepas merdeka yang dilihat seolah-olah tidak terasa kepada kehilangan undang-undang Islam yang sebelum ini merupakan undang-undang yang didaulatkan di tanah air mereka. Walaupun penjajah telah keluar daripada negara ini dengan memberikan kemerdekaan kepada anak bangsa Tanah Melayu tetapi mereka telah meninggalkan suatu bentuk pemikiran dan gaya hidup mereka untuk terus diwarisi oleh masyarakat Islam di negara ini sehingga ke hari ini.

### **Hasil Kajian Merekonstruksi Sejarah Islam Pahang**

Secara kasarnya, dapatan kajian projek ini telah diterapkan dalam tema/galeri Islam di Pahang. Terdapat beberapa penemuan baru yang dihasilkan;

1. Pahang terbukti negeri terawal menerima Islam di Tanah Melayu.<sup>10</sup>
2. Peranan Aceh dan Pahang dalam membangunkan paradigm ilmu Islam di Alam Melayu.<sup>11</sup> Antara bidang terpenting ilmu Islam yang terbabit adalah ilmu fiqh Islam.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Hasil Kajian Ini Telah Diterbitkan Dalam Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli (2015), *Islamisasi Awal Di Pahang: Satu Tinjauan Teori*, Jurnal Kemanusiaan Vol. 24 : Issue 1, h. 2-11.

<sup>11</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), *Kitab Jawi Sebagai Asas Tamadun Melayu Islam*, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Disember 2017, Vol. 1, Issue. 2, h. 271-286.

<sup>12</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Siti Maimunah binti Kahal & Muhammad Yusri Yusof @ Salleh. (2016). *Fiqh Versi Alam Melayu: Satu Analisis Sejarah*. *Jurnal Fiqh*, 13.

3. peranan Nuruddin Raniri dan sultan Iskandar Thani (anak raja Pahang) dalam membangunkan pemikiran Islam di Pahang.<sup>13</sup>
4. Gabungan antara Aceh dan Pahang dalam membentuk kekuatan politik Melayu Islam melawan penjajah barat.<sup>14</sup>
5. Wujudnya gabungan kuasa politik aceh, turki dan Pahang dalam perkembangan ilmu dan politik Islam di Alam melayu.<sup>15</sup>
6. Penentangan orang Melayu Pahang di bawah Dato Bahaman dianggap sebagai gerakan jihad sejati melawan kuasa British.<sup>16</sup>

Terdapat beberapa manfaat daripada dapatan kajian ini;

1. Isi penemuannya dapat mengisi dan memperkukuhkan kandungan untuk tema galeri Islam di Pahang.
2. Ia bakal mengisi kekosongan maklumat tentang Islam di Pahang dalam negeri Pahang. Mengikut Abu Talib Ahmad, kajian tentang sejarah Pahang yang dihasilkan melalui kajian terhadap sumber sejarah tradisional – boleh dikatakan tiada langsung maklumat tentang peranan Islam di Pahang.<sup>17</sup>
3. Ia bakal menjana penyelidikan lanjutan untuk subjek Islam di Pahang samada untuk tempoh masa silam atau akan datang.<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup> Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Al-Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang, *Jurnal Usuluddin*45 (2), h. 87-104.

<sup>14</sup> Ahmad Farid Abdul Jalal dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Jalinan Intelektual Dan Persaudaraan Islam Aceh Di Pahang, *JATI*, Volume 22, h. 103-127.

<sup>15</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2015), Peranan Aceh Dan Turki Dalam Islamisasi Alam Melayu: Satu Analisis, *jurnal Al-Risalah edisi Desember 2015*, Vol.15 No. 1, hlm 1- 25 pada Fakultas Syariah Institut Agama Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.

<sup>16</sup> Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd. Rahim & Nor Adina Abd. Kadir (2017). Dimensi Jihad dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah di Pahang. *Jurnal Melayu DBP*, 10(1), 90-107

<sup>17</sup> Abu Talib Ahmad (2016), Pahang State History: A Review Of The Published Literature And Existing Gaps, *Kemanusiaan*, Vol. 23, No. 1, h. 35–64.

<sup>18</sup> Ahnaf Wafi Alias (2018), Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang Dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang, *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (Persipmam)*, ATMA UKM, h. 215-230



## Hasil Kajian Ilmu Kolonial dan Dampaknya pada Masyarakat Melayu

Kajian ini telah menghasilkan beberapa penemuan:

1. Penerangan tentang konsep asas dan bagaimana ilmu kolonial dibangunkan di Tanah Melayu.<sup>19</sup>
2. Pengaruh ilmu kolonial dalam pelbagai bidang di Malaysia- seperti bidang sejarah,<sup>20</sup> permuziuman,<sup>21</sup> Islam<sup>22</sup>, sains dan budaya Melayu.<sup>23</sup>
3. Analisa dan kritikan terhadap kelemahan ilmu kolonial di Malaysia.<sup>24</sup>
4. Perkaitan ilmu kolonial klasik dalam mewujudkan kebencian masyarakat dunia kepada Islam.<sup>25</sup>
5. Kajian terhadap pemikiran tokoh orientalis pasca merdeka.<sup>26</sup>

Manfaat yang terhasil daripada kajian ilmu kolonial;

---

<sup>19</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Kolonialisme-Ilmu Kolonial Dalam Sejarah di Tanah Melayu: Satu Pengenalan, *jurnal Institut Ketamadunan Melaka (TUAH)*, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), v. 1.

<sup>20</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2015), Genre Orientalism dan Tamadun Islam Di Alam Melayu - jurnal *zulfiqar, Journal Of Contemporary Islamic Studies*, v. 2(1).

<sup>21</sup> Ahmad Farid Abdul Jalal dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2016), Pengaruh Ilmu Kolonial Dalam Permuziuman Di Malaysia: Satu Analisis, dalam *Academia Journal UiTMT*. 5(2)

<sup>22</sup> Ahmad Farid A. Jalal (2017). Ilmu Kolonial dan Impaknya pada Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Uluw*, 2(1), 97-124.

<sup>23</sup> Mohd Farhan Abd Rahman, Nurul Hidayah Aziz, Amin Che Ahmat, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2016). A Doctrinal Aspect Of Orientalisme And Its Influence On Malay Culture. *Academia Journal UiTMT*. 5(2), 58-65.

<sup>24</sup> Ahmad Farid Abdul Jalal dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Ilmu Kolonial di Malaysia: Perspektif Maqasid Syariah, *Jurnal al-Banjari*, v. 16, no 1, h. 52-83; Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md Noor, Anuar Mohd Ramli dan Nor Hayati Md Dahlal, (2012) Pemodenan dan kesejahteraan manusia dari perspektif orientalisme, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 39 (2). h. 1-23.

<sup>25</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Muhamad Yusri bin Yusof @ Salleh, Muhd Imran Abd Razak, Siti Maimunah Hj. Kahal, Paiz Hassan & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (2018). Perkaitan Islamophobia dan Orientalisme Klasik: Satu Analisis. *Ideology*, 3(2) : 62-78.

<sup>26</sup> Terdapat dua tesis sarjana yang berjaya dihasilkan menggunakan data daripada projek ilmu kolonial tajaan Muzium negeri pahang. Ia adalah (1) Abd Halim Ismail (UM) - Ilmu Kolonial Dan Hukum Islam Di Malaysia, tesis sarjana APIUM, 2018 dan (2) Ibrahim Majdi Mohd Kamil (UKM) - Pendekatan Pasca Kolonialisme Dan Ilmu Kolonial Di Malaysia : Rujukan Kepada Karya William Roff, tesis sarjana ATMA UKM, 2018.

1. Hasil penemuannya dapat mengisi kandungan untuk galeri di Muzium negeri Pahang. Galeri ini membabitkan tema galeri Islam dan Tarikh 1874 - Pengaruh Ilmu Kolonial Di Tanah Melayu di Pahang.
2. Berhasil memperincikan kajian awal sarjana Malaysia tentang ilmu kolonial. Apa yang diulas secara umum telah Berjaya diperincikan dan dikritik dengan kajian ini.
3. Mampu memperincikan muslihat halus penjajahan geo-politik dan geo-epistemologi yang dilakukan oleh British di Tanah Melayu.
4. Mampu menolak teori salah milik sarjana kolonial tentang Islam di Tanah Melayu. Pada dasar teori-teori ini begitu mendominasi dunia academia dunia.

### **Penolakan Teori Salah Yang Diutarakan Oleh Sarjana Kolonial**

#### **Teori Bukti Kewujudan Tamadun Berasaskan Penemuan Artifak**

Teori ini yang berasaskan falsafah *logico positivism*, menegaskan wujud atau tidak sesuatu tamadun di sesuatu kawasan perlu dibuktikan dengan kewujudan artifak atau manuskrip sejarah yang mewakili sesuatu masyarakat terbabit. Andainya tidak ditemui sesuatu bukti material ataupun bahan yang ditemui itu terlalu ringkas, mereka akan mengambil sikap simplistik dengan mengatakan perkembangan ilmu dan tamadun Islam sebagai tidak ada. Maksudnya, bagi mereka wujud ataupun tidak sesuatu tamadun material dan intelektual bagi sesuatu masyarakat atau kerajaan bergantung sepenuhnya kepada adanya atau ditemui artifak yang mengandungi maklumat tentang tamadun tersebut. Begitu juga, artifak yang ditemui itu perlulah lengkap dan tidak samar-samar.<sup>27</sup> Jadi apabila didakwa tidak kedapatan artifak atau manuskript tentang Islam dan masyarakat Pahang - maka Pahang sebelum kedatangan british, dianggap tidak

---

<sup>27</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2011), Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam, *Jurnal Syariah*, No.2.

mempunyai sejarah. Ia berada dalam keadaan huru hara tanpa sistem kerajaan khusus.<sup>28</sup> Lagipun british tidak menerima sumber sejarah tempatan yang menggambarkan tentang masyarakat Pahang, semuanya dikatakan penuh mitos yang tidak boleh dipercayai.<sup>29</sup>

Kesemua teori-teori ini terjawab dengan:

*Pertama*, sumber sejarah terdiri daripada pelbagai bentuk. Ia bukan setakat artifak material seperti difahami oleh sejarawan British. Muhammad Arkoun menegaskan bahawa selain daripada bukti material, realiti budaya masyarakat Islam sebagai *living evidence* juga patut diambilkira apabila mengkaji tentang sesuatu tamadun dan pengamalan konsep Islam. Maksudnya, walaupun tidak ditemui bukti arifak (tangible), tetapi fakta sejarah boleh diketahui daripada *Living Tradition* (tradisi zaman berzaman yang hidup dan boleh dikesan hasilnya hingga pada masa sekarang). Contohnya tradisi pengamalan Islam yang kuat dipegang oleh masyarakat Pahang.

Lagipun terdapat sumber sejarah tempatan tentang sejarah Pahang yang tidak ditemui oleh sarjana british. Contohnya tentang sejarah kedatangan golongan syed mmyebarkan Islam di Pahang. Ia termasuk juga sejarah pembukaan kawasan di Pahang oleh golongan yang berhijrah ke Pahang (kes pembukaan kawasan Raub di Pahang).

*Kedua*, Kajian di bawah tajaan Muzium Negeri Pahang secara jelas berjaya membuktikan bahawa Pahang telah menerima Islam lebih awal berbanding Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M). Antara bukti-bukti ini adalah;

1. Penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 1028 Masihi. Batu nisan ini mirip seperti batu nisan yang dijumpai di

---

<sup>28</sup> Hanapi Dolah (1983), Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu : Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, V.1(2).

<sup>29</sup> Hussain Othman (2008), Conceptual Understanding Of Myths And Legends In Malay History, *SARI*, V. 26, H. 91-110

Perlak dan Pasai yang mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu. Bukti ini menunjukkan Pahang adalah salah satu negeri Pantai Timur yang menjadi tempat terawal menerima proses Islamisasi lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka. Lebih jauh lagi, kawasan Timur Laut (Pahang dan Terengganu) ini mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu.<sup>30</sup>

2. Penemuan artifak arkeologi di Pulau Tioman - kawasan pelabuhan yang maju satu ketika dahulu dalam rangkaian jalan perdagangan antarabangsa antara Cina dan India dengan Timur Tengah.<sup>31</sup>
3. Kawasan pahang telah dijadikan tumpuan pelarian Ahl Bayt (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah. Ia menjadi penyebab utama kenapa golongan keturunan Syed agak ramai, yang boleh dikesan di beberapa penempatan di pahang. Golongan ini agak penting kerana mereka dianggap sebagai pendakwah pakar yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh rantau Alam Melayu.<sup>32</sup>

### **Teori Orang Melayu Bangsa Yang Tidak Bertamadun.**

Bagi sarjana kolonial orang Melayu adalah bangsa primitif yang tiada identiti diri (tidak mampu mendefinisikan diri mereka yang membezakan dengan etnik lain). Hanya dengan bantuan british yang mampu memperkenalkan atau membezakan orang

---

<sup>30</sup> Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur : DBP, H. 89-90.

<sup>31</sup> Artifak Arkeologi Pulau Tioman Di Muzium Pahang.

<sup>32</sup> Mahayuddin Haji Yahya Dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti, H. 622

Melayu dengan etnik lain. Orang Melayu dipersembahkan kepada masyarakat dunia melalui pameran di muzium british.

Dalam paparan sarjana kolonial, orang Melayu digambarkan sebagai bangsa yang simple, primitif dan *irrational*, tetapi bersifat eksotik dan memukau. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuashati dengan apa yang dimiliki dan berlaku kerana factor genetic yang rendah. Sifat utama kajian-kajian ini mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas,<sup>33</sup> suka berpoya-poya,<sup>34</sup> keras kepala,<sup>35</sup> tidak boleh diharap,<sup>36</sup> suka berhutang<sup>37</sup> dan sebagainya.

Pandangan negatif tentang orang Melayu ini mampu di jawab dengan beberapa penerangan;

*Pertama*, jauh sebelum british datang, masyarakat dunia (Yunani, Arab, Cina dan Indonesia) memang telah mengenali kawasan dan masyarakat Islam Pahang. Terbukti dengan penemuan catatan penjelajah Yunani dan Cina tentang peta kawasan Pahang ( sebagai kerajaan Melayu tertua) di dunia. Sejarah mencatatkan, Pada abad 16-18 M, pelayar daripada Andalusia yang sampai ke Alam Melayu telah mencatat serba serbi tentang masyarakat Alam Melayu. Hal ini terbukti dengan wujudnya tulisan awal tentang Alam Melayu. Ia digambarkan sebagai kawasan yang subur dan penuh dengan galian berharga.

---

<sup>33</sup> A. Wright Dan T.H. Reid (1912), *The Malay Peninsula*, London, H. 315.

<sup>34</sup> E. G. De Eredia (1930), “ *The Description Of Malaca* “, Dalam JMBRAS, V. 8:1, H. 31.

<sup>35</sup> T.S. Raffles (1930), *Memoir Of The Life And Public Services Of Sir Stamford Raffles*, London, V. 1, H. 91 Dan 288-289.

<sup>36</sup> W. L. Richmond (1928), *The Modern Malay*, London, H. 95 Dan 223.

<sup>37</sup> F. Swettenham (1895), *Malay Sketch*, Singapore, H. 2-3.

Selepas kejatuhan Andalusia dan berlakunya perkembangan falsafah *Renaissance*, catatan awal ini diperolahi oleh bangsa portugis dan sepanyol yang melancarkan pengembaraan dakwah dan perdagangan ke Alam Melayu. Hubungan bangsa Eropah awal ini dengan masyarakat Alam Melayu adalah agak tegang dan tiada pertembungan budaya dan intelektual positif yang berlaku.<sup>38</sup>

*Kedua*, sarjana antropologi barat menyatakan bahawa tamadun hanya wujud apabila adanya sistem tulisan dan karya intelektual. Keduanya menyebabkan sesuatu masyarakat mampu mencatat dan mendefinisikan diri mereka berbanding dengan masyarakat lain. Memang terbukti masyarakat Melayu Pahang mempunyai sistem tulisan yang digunakan untuk menulis pelbagai manuskript ilmu. Bukti terpentingnya adalah dengan wujudnya manuskript Hukum Kanun Pahang. Ia secara langsung membuktikan telahpun wujud kerajaan Islam yang melaksanakan undang-undang Islam di Pahang.<sup>39</sup>

### **Teori Oriental Despotism dan Kegagalan Islam Di Alam Melayu.**

Teori *Oriental Despotism*<sup>40</sup> merujuk kepada wujudnya keadaan huruhara, tiada peraturan dan penindasan masyarakat yang dilakukan oleh raja-raja Melayu.<sup>41</sup> Raffles, pengasas kajian Melayu yang awal menegaskan bahawa penindasan ini memang dilakukan oleh raja dalam kerajaan Islam di dunia lain.<sup>42</sup>

---

<sup>38</sup> Hairudin Harun (2004), *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*, DBP : Kuala Lumpur, H. 71-74.

<sup>39</sup> Ahnaf Wafi Alias (2018), Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang Dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang, *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (Persipmam)*, ATMA UKM, h. 215-230.

<sup>40</sup> Bryan S. Turner (1984), Orientalism And The Problem Of Civil Society In Islam, Dalam Asaf Hussain, Robert Olson, Jamil Qureshi (Eds.), *Orientalism, Islam, And Islamists*, Brattleboro: Amana Books, h. 34.

<sup>41</sup> Ibid., h. 122 Dan 168

<sup>42</sup> Raffles To Minto, Malacca, 12th March 1811 In Raffles, Memoir, h. 51.

Orang Melayu dikatakan menjadi mangsa kezaliman raja. Punca utama adalah raja-raja Islam yang menafikan hak pemilikan milik orang Melayu.<sup>43</sup> ini diasaskan oleh falsafah evolusi ciptaan Charles Darwin<sup>44</sup> yang memberi justifikasi pada pihak kolonial British untuk mentamadunkan orang melayu daripada kebodohan sendiri dan kezaliman raja-raja melayu. keadaan huruhara, tiada peraturan dan penindasan masyarakat yang dilakukan oleh raja-raja Melayu.<sup>45</sup> Dakwa Raffles lagi, penindasan ini memang dilakukan oleh raja dalam kerajaan Islam di dunia lain.<sup>46</sup> Sarjana pentadbir kolonial memberikan pandangan negatif tentang Islam. Mereka mengaitkan kemunduran orang melayu kerana faktor Islam;

1. Islam menghapuskan semua ilmu sains dan sastera Melayu yang pernah wujud sebelum proses Islamisasi. Sebaliknya karya Melayu selepas Islam diisi dengan naratif raja Islam Timur Tengah dan ilmu agama.<sup>47</sup> Ini menjadikan masyarakat Melayu kekeringan idea tentang konsep seni sejati. (*historical and dry compositions of the head*).<sup>48</sup> Lebih teruk lagi, Islam telah menghapuskan pencapaian sastera dan seni artifak yang terbina di zaman hindu.<sup>49</sup>
2. Islam dijadikan lawan kepada tamadun kristian dan hindu budhha. Segala bentuk kejahatan dikaitkan dengan Islam, manakala semua bentuk kebaikan dikaitkan

---

<sup>43</sup> Thomas Stamford Raffles, Substance Of A Minute Recorded By The Honourable Thomas Stamford Raffles On The 11th February 1814, On The Introduction Of An Improved System Of Internal Management And The Establishment Of A Land Rental On The Island Of Java: To Which Are Added Several Of The Most Interesting Documents Therein Referred To (London: Black, Parry & Co., 1814), H. 122 And 168 And Raffles, Minute On The Singapore Institution, April 1823, H. 7

<sup>44</sup> Daniel C. Dennett (1995), *Darwin's Dangerous Idea Evolution And The Meanings Of Life*, London : Penguin Books Ltd.

<sup>45</sup> Ibid., H. 122 Dan 168

<sup>46</sup> Raffles To Minto, Malacca, 12th March 1811 In Raffles, Memoir, H. 51.

<sup>47</sup> Raffles, The History Of Java Vol. I, H. 372.

<sup>48</sup> Raffles To William Marsden, Ciceroa, 1st January 1815 In Raffles, Memoir, H. 235

<sup>49</sup> Raffles, The History Of Java Vol. I, H. 372.

dengan barat dan hindu budhha.<sup>50</sup> Berbeza dengan Islam, dalam hinduism telah lahir masyarakat berkasta yang damai yang diperlukan oleh british.<sup>51</sup>

Kesemua teori negatif sarjana kolonial ini mampu dijawab melalui hasil dapatan tajaan Muzium pahang. Projek kajian ini bertajuk *ilmu kolonial dan impaknya kepada masyarakat Melayu*. Antara lainnya, jawapan ini;

*Pertama*, pihak British bersikap double standard dalam menerangkan tentang realiti Oriental Despotism ini. Mereka tidak pernah memberi komentar yang positif pada orang melayu kecuali pada raja melayu yang menyokong mereka. Ringkasnya, walaupun mereka menyatakan sifat buruk orang melayu tapi ia tidak dikaitkan dengan sistem raja melayu zalim yang disokong mereka.

Menyentuh isu Oriental Despotism, dalam sejarah dunia mencatatkan bahawa kezaliman raja tidak terhad kepada bangsa timur semata-mata, bahkan ia berlaku lebih buruk lagi di eropah. Beberapa persoalan perlu ditanyakan:<sup>52</sup>

1. Kenapa pihak kolonial British sering menjadi orang tengah dalam pergaduhan raja-raja melayu yang berakhir dengan pemilihan raja yang menyokong mereka. Ia berlaku dalam kes perebutan kuasa di perak.
2. Kenapa pihak kolonial British mencipta pelbagai helah untuk campurtangan di sesebuah negeri Melayu seperti kes negeri pahang.

---

<sup>50</sup> Sir Stamford Raffles, Substance Of A Memoir On The Administration Of The Eastern Islands (N.P:N.Pub., 1819), H. 28.

<sup>51</sup> Raffles, "A Discourse Delivered On The 11th September, 1815" In Raffles, Memoir, H. 169

<sup>52</sup>Hanapi Dolah (1983), Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu : Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, V.1(2).



3. Mereka menerangkan tentang nasib orang melayu yang ditindas oleh raja. Tetapi kenapa mereka sendiri menaja, membela dan mengangkat kelas raja melayu yang menindas rakyat.
4. Mereka enggan memahami bahawa penentangan rakyat pada pihak kolonial British adalah kerana masyarakat Melayu dan ulama enggan menyetujui dengan dasar penjajahan pihak kolonial British.

*Kedua*, paparan negatif sarjana british tentang Islam bersifat bias kerana ia didorong oleh anti Islam yang didorong oleh semangat perang salib yang berkembang di eropah pada abad 16-18 dan menyampai puncaknya di abad 19 apabila penjajahan berlaku.<sup>53</sup>

Ketiga, kepalsuan teori sarjana kolonial ini terbukti salah dengan wujudnya tamadun kesultanan Pahang yang melaksanakan hukum Islam dan pelbagai syiar Islam di Pahang. Bukti ini boleh didapati dengan mengkaji manuscript Hukum Kanun Pahang yang ada di Muzium Islam Pahang.

#### **D. KESIMPULAN**

Rumusan akhirnya, setakat termampu gabungan Musium Masjid Sultan Abdullah Pekan Pahang (MMSAPP) - IPTA telah memainkan peranan memajukan pemikiran Islam semasa melalui subjek ilmu sejarah Islam. Sesuai dengan pendekatan new muzium yang menuntut agar muzium sentiasa melakukan penambahbaikan merapatkan diri untuk mendidik masyarakat, maka usaha MMSAPP boleh dianggap sebagai *breakthrough* (langkah terobosan) dalam permuziuman di Malaysia.

---

<sup>53</sup> Hamid Fahmy Zarkasyi (2011), Tradisi Orientalisme Dan Framework Studi Al-Qur'an, *Jurnal TSAQAFAH*, Vol. 7, No. 1, H. 1-27.

**DAFTAR PUSTAKA**

- Abdullah, Abdul Rahman (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad, Abu Talib (2016), Pahang State History: A Review Of The Published Literature And Existing Gaps, *Kemanusiaan*, Vol. 23, No. 1, h. 35–64.
- Ahmad, Shamsidar (2018), Creating Museum Exhibition: What The Public Want?, *Asian Journal Of Behavioural Studies (Ajbes)*, 3(11) May / Jun 2018, h. 27-36.
- Alias, Ahnaf Wafi (2018), *Peranan Kurator Muzeum Negeri Pahang Dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang*, Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (Persipmam), ATMA UKM, h. 215-230.
- Artifak Arkeologi Pulau Tioman Di Muzeum Pahang.*
- Cleary, Tania (2006), *The New Museum Function, Form And Politic*, Tesis Ph.D Griffith University, h. 132-163.
- Daud, Wan Mohd Nor Wan (2010), Containing Muslim Extremism and Radicalism, *Sari - International Journal Of The Malay World And Civilisation* 28(1), h. 241-252.
- Dennett, Daniel C. (1995), *Darwin's Dangerous Idea Evolution and The Meanings Of Life*, London: Penguin Books Ltd.
- Dolah, Hanapi (1983), Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, V.1(2).
- Eredia, E. G. De (1930), "The Description of Malaca," dalam *JMBRAS*, V. 8:1.
- F. Swettenham (1895), *Malay Sketch*, Singapore.
- Harun, Hairudin (2004), *Retorik Sains Dan Teknologi di Malaysia*, DBP: Kuala Lumpur.

- Iqbal, Nabila (2015), *Mosque in The Valley: A Space For Spiritual Gathering & Cultural Learning*, Tesis Sarjana Untuk University Of Massachusetts Amherst.
- Isa, Badrul (2017), *Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*, Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University.
- Ismail, Abd Halim (2018) *Ilmu Kolonial Dan Hukum Islam Di Malaysia*, tesis sarjana APIUM.
- Jalal, Ahmad Farid A. (2017). Ilmu Kolonial dan Impaknya pada Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Uluwan*, 2(1), 97-124.
- Jalal, Ahmad Farid A. dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2016), Pengaruh Ilmu Kolonial Dalam Permuziuman Di Malaysia: Satu Analisis, dalam *Academia Journal UiTMT*. 5 (2).
- Jalal, Ahmad Farid A. dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Ilmu Kolonial di Malaysia: Perspektif Maqasid Syariah, *Jurnal al-Banjari*, v. 16, no 1, h. 52-83.
- Jalal, Ahmad Farid A. dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Jalinan Intelektual Dan Persaudaraan Islam Aceh di Pahang, *JATI*, Volume 22, h. 103-127.
- Kamil, Ibrahim Majdi Mohd (2018). *Pendekatan Pasca Kolonialisme Dan Ilmu Kolonial Di Malaysia: Rujukan Kepada Karya William Roff*, tesis sarjana ATMA UKM.
- Mahmoud, Shadia Mohamed Salem (2004), *The Value of A Collections Management Policy For Museums*, Tesis Sarjana Untuk The Graduate Faculty Of Texas Tech University, h. 22-37.
- Othman, Hussain (2008), Conceptual Understanding of Myths And Legends In Malay History, *SARI*, V. 26, h. 91-110.
- Raffles to Minto, Malacca, 12th March 1811 in Raffles, *Memoir*.

- Raffles to William Marsden, Ciceroa, 1st January 1815 In Raffles, *Memoir*, h. 235
- Raffles, "A Discourse Delivered on the 11th September, 1815" In Raffles, *Memoir*.
- Raffles, T.S. (1823), *Minute on The Singapore Institution*, April 1823.
- Raffles, T.S. (1930), *Memoir of The Life And Public Services Of Sir Stamford Raffles*, London, V. 1, h. 91 dan 288-289.
- Raffles, *The History of Java* Vol. I, h. 372.
- Raffles, Thomas Stamford (1819). *Substance of A Minute Recorded By The Honourable Thomas Stamford Raffles On The 11th February 1814, On The Introduction Of An Improved System Of Internal Management And The Establishment Of A Land Rental On The Island Of Java: To Which Are Added Several Of The Most Interesting Documents Therein Referred To* (London: Black, Parry & Co., 1814).
- Rahim, Rahimin Affandi Abd (2011), Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam, *Jurnal Syariah*, No.2.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd (2015), Peranan Aceh Dan Turki Dalam Islamisasi Alam Melayu: Satu Analisis, jurnal *Al-Risalah* edisi Desember 2015, Vol.15 No. 1, hlm 1- 25 pada Fakultas Syariah Institut Agama Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd (2017), Kitab Jawi Sebagai Asas Tamadun Melayu Islam, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Disember 2017, Vol. 1, Issue. 2, h. 271-286.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd (2017), Kolonialisme-Ilmu Kolonial Dalam Sejarah di Tanah Melayu: Satu Pengenalan, jurnal *Institut Ketamadunan Melaka (TUAH)*, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), v. 1.

Rahim, Rahimin Affandi Abd. (2015), Genre Orientalism dan Tamadun Islam Di Alam Melayu - jurnal *Zulfiqar, Journal of Contemporary Islamic Studies*, v. 2(1).

Rahim, Rahimin Affandi Abd.; Ruzman Md Noor, Anuar Mohd Ramli dan Nor Hayati Md Dahlal, (2012) Pemodenan dan kesejahteraan manusia dari perspektif orientalisme, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 39 (2). h. 1-23.

Rahim, Rahimin Affandi Abd; Mohd Anuar Ramli, Muhamad Yusri bin Yusof @ Salleh, Muhd Imran Abd Razak, Siti Maimunah Hj. Kahal, Paiz Hassan & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (2018). Perkaitan Islamophobia dan Orientalisme Klasik: Satu Analisis. *Ideology*, 3(2): 62-78.

Rahim, Rahimin Affandi Abd; Siti Maimunah binti Kahal & Muhammad Yusri Yusof @ Salleh. (2016). Fiqh Versi Alam Melayu: Satu Analisis Sejarah. *Jurnal Fiqh*, 13.

Rahman, M. Taufiq. (2015) *Menghidupkan Kembali Semangat Keilmuan Umat Islam*, Makalah disampaikan pada Forum Diskusi Atmosfera Akademika di Bandung, 3 Desember 2015.

Rahman, Mohd Farhan Abd; Nurul Hidayah Aziz, Amin Che Ahmat, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2016). A Doctrinal Aspect Of Orientalism And Its Influence On Malay Culture. *Academia Journal UiTMT*. 5(2), 58-65.

Richmond, W. L. (1928), *The Modern Malay*, London.

Rosele, Muhammad Ikhlas; Rahimin Affandi Abd. Rahim & Nor Adina Abd. Kadir (2017). Dimensi Jihad dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah di Pahang. *Jurnal Melayu DBP*, 10(1), 90-107

- Rosele, Muhammad Ikhlas; Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli (2015), Islamisasi Awal Di Pahang: Satu Tinjauan Teori, *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 24: Issue 1, h. 2-11.
- Rosele, Muhammad Ikhlas; Rahimin Affandi Abdul Rahim (2017), Al -Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang, *Jurnal Usuluddin* 45 (2), h. 87-104.
- Ryan, Louise. (2015), *Transcending Boundaries: The Arts Of Islam: Treasures From The Nassar D. Khalili Collection*, Tesis Phd Untuk Institute For Culture And Society University Of Western Sydney.
- Turner, Bryan S. (1984), Orientalism And The Problem Of Civil Society In Islam, Dalam Asaf Hussain, Robert Olson, Jamil Qureshi (Eds.), *Orientalism, Islam, And Islamists*, Brattleboro: Amana Books.
- Wright, A. dan T.H. Reid (1912), *The Malay Peninsula*, London.
- Yahya, Mahayuddin Haji dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Zarkasyi, Hamid Fahmy (2011), Tradisi Orientalisme dan Framework Studi Al-Qur'an, *Jurnal TSAQAFAH* , Vol. 7, No. 1, h. 1-27.